

(P)

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

9759485

Hubungan Media Dengan Puisi di Malaysia : Tunjangan Atau Pasungan?

By:

Muhammad Saleh Rahmad

(Kertaskerja dibentangkan dalam Seminar International Dalam Rangka Pesta Penyair Nusantara 2008 sempena *the 2nd Kediri Jatim International Poetry Gathering* yang berlangsung pada 1-2 Julai 2008 di Kediri, Indonesia)

Perpustakaan Universiti Malaya



A513367273

SEMINAR INTERNATIONAL

DALAM RANGKA PESTA PENYAIR NUSANTARA 2008

Sempena The 2nd Kediri Jatim International Poetry Gathering

HUBUNGAN MEDIA DENGAN PUSSI DI MALAYSIA : TUNJANGAN ATAU PASUNGAN?

Oleh : Muhammad Saleh Rahmad

PENSYARAH

Jabatan Pengajian Media, Universitas Malaya, Kuala Lumpur

MALAYSIA

01 Juli - 02 Juli 2008

Di Kampus UNIK (Universitas Kadiri)

Di Malaysia, sebilangan besar majalah menyediakan ruangan puisi walaupun majalah itu bersifat khusus, yakni majalah untuk wanita (*Wanita, Mingguan Wanita*), majalah hiburan *URTV*, majalah hal ehwal psikologi, fisiologi, seksualiti dan imej untuk wanita (*Harmoni*), majalah remaja (*Remaja*), dan sebagainya. Tidak seperti cerpen yang hanya mendapat tempat relatif kecil, puisi seperti satu ramuan utama dalam penerbitan media popular berkala. Hal ini memberikan petanda bahawa pengaruh sastera itu besar dalam khalayak masyarakat.

Begitupun, soal mutu karya memang tidak mencerminkan keseriusan kerana majalah popular itu hanya menjadi medan penampilan penulis mediocre, yang baru-baru berjinak dengan puisi. Malahan, ada penulis yang karyanya sukar mendapat tempat dalam media arus perdana, menjadi begitu popular dalam majalah ringan dan santai lantaran kekerapan mereka menampilkan puisi. Biarpun mutu sasteranya sangat rendah, lantaran banyak karyanya tersiar, penulis itu menjadi popular juga dan berada di jenjang "sasterawan".

Soal tinggi rendahnya mutu kesasteraan dalam majalah ini terbukti melalui keputusan penilaian hadiah sastera yang diadakan. Di Malaysia, ada suatu bentuk penganugerahan sastera diwujudkan bagi karya yang sudah tersiar. Pada peringkat kebangsaan diadakan Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU—setiap tahun) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM—dua tahun sekali); peringkat negeri diadakan Hadiah Sastera Darultakzim (bagi penulis dari negeri Johor sahaja), Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak (bagi penulis Sarawak sahaja), dan Hadiah Sastera Sabah (bagi penulis Sabah). Dalam penilaian pada peringkat kebangsaan khususnya, amat langka ditemukan karya daripada majalah popular tersebut.

Majalah yang paling dominan dan dihormati ialah *Dewan Sastera*, majalah khusus sastera terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Majalah ini tentunya tidak boleh disegandangkan dengan majalah lain kerana tujuan utama penerbitannya yang bermula pada awal tahun 70-an adalah untuk sastera semata-mata. Karya yang terpilih untuk disiarkan telah disaring dengan ketat (walaupun tidak sepenuhnya memenuhi kepuasan semua khalayak sebagai bernilai sastera lantaran sifat penilaian sastera itu subjektif dan relatif). Majalah terbitan DBP yang lain ini, iaitu *Dewan Budaya*, *Dewan Siswa*, *Dewan Masyarakat*, dan *Tunas Cipta* (sisipan dalam *Dewan Sastera*, khusus melayan sasterawan muda) turut menyiaran puisi. Penyaringannya juga ketat sebelum diizinkan terbit. Oleh itu, majalah ini merupakan medan persaingan karya sastera yang paling sengit. Penulis yang berjaya menerobosi majalah tersebut wajar berbangga.

Dengan kemurahan hati syarikat majalah menyediakan ruangan untuk puisi, nyatalah hawa nasib penulis di Malaysia, khususnya yang baru berjinak dengan pertarungan kata-kata diah, adalah mujur dan beruntung. Kesantaian sifat majalah popular telah memberarkan karya yang sangat ringan dan tipis mutunya disiarkan. Tetapi kesannya amat besar pada pertumbuhan sastera kerana dengan cara ini penulis yang baru bertunas mendapat keyakinan i untuk berdamping dan berjinak dengan sastera. Daripada gelanggang kecil itu mereka pat dibawa ke gelanggang besar jika ketekalan mereka menghasilkan puisi berterusan.

Majalah *Dewan Sastera* yang menjadi medan pengiktirafan karya sastera di Malaysia merupakan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebagai agensi kerajaan yang tertakluk pada dasar pemerintah, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mungkin terlalu bebas memberarkan penyair menyampaikan pandangan radikal menurut kebebasan berekspresi. Tu ada tatacara pemilihan selagi tidak melanggar dasar kerajaan. Tetapi hal ini pun dangkala dapat dilanggar kerana memang sifat puisi yang kabur makna dan pelbagai makna memberikan jalan keluar kepada penulis untuk berkelana dalam idea dan kata-kata. Selagi pat puisi disaluti sarana sastera yang indah dan berkias maka puisi yang menyanggah undangan pemerintah pun dapat disiarkan. Tetapi jika pengucapannya langsung dan polos ta menyentuh oknum politik yang berwewenang pasti ada sekatan yang dihulurkan dalam tu jaringan halus tetapi berdurasi.

Satu ketegasan yang ditampilkan oleh panitia pemilihan hadiah sastera Kumpulan Utusan jelas membuktikan hal ini. Bagi memberikan justifikasi pemilihan karya yang terbaik, tu kriteria khusus telah diputuskan. Selain aspek estetika yang menjadi kriteria asas pemilihan pemenang, ada satu kriteria umum yang merangkumi asas pemilihan semua genre.

Integaskan bahawa karya sastera yang diterima sebagai pemenang hendaklah tidak melanggar aspirasi nasional. Konsep "aspirasi nasional" itu tidak dijelaskan secara rinci tetapi akan menjalankan fungsi apabila bertembung dengan karya yang difikirkan melanggarnya. Antara hal yang mungkin menjadi perkiraan panel penilai ialah pelanggaran Perlembagaan Persekutuan, sensitiviti agama, perkauman, dasar kerajaan, sensitiviti politik peribadi, dan sebagainya.

Boleh sahaja undang-undang umum itu menjadi sandaran untuk menolak karya yang kasar mengkritik pemimpin politik tertentu dengan jelas, dasar kerajaan yang terlaksana, atau apa-apa sahaja yang "difikirkan" membahayakan kesejahteraan nasional. Selagi tidak melanggar makna kesejahteraan dan aspirasi nasional menurut tafsiran orang yang memegang kuasa. Siapakah yang memegang kuasa? Sesiapa sahaja boleh berfungsi sebagai penguasa selagi dia berada di tempat yang sesuai, seperti yang dinyatakan oleh Foucault tentang cara penjara Panopticon ciptaan Jeremy Bentham mengoperasikan kuasa.

Dengan demikian, didapati karya puisi pemenang dalam HSKU sejak tahun 1985 sehingga 2007 tidak ada unsur yang melanggar aspirasi nasional; tiada pengucapan kasar mengkritik dan memprotes dasar kerajaan; tiada unsur mencabar Perlembagaan. Yang muncul dalam senarai pemenang ialah pengucapan santun, berkias, indah, lembut. Sebagai contoh, ada sebuah karya seorang penyair muda, Raihani Mohd Saaid yang menyisipkan idea pemberontakan tetapi masih terkawal.

Sajak Anum kepada Jebat

Jebat,
kutulis sajak ini
dengan rindu yang sangat berat
dan ingatan kasih yang sarat
lebih hebat dari seiisi melaka dan temasek
diletakkan di jemalaku.

telah bermusim kota itu kubuka
namun darahku masih basah di pelantar
pertanda.
ambilah harum darah ini
dan langirkan taming sarimu.
sampai bila takkan bisa
kita membaca isyarat murup mega
dan bahasa sitara yang berkali makna.

rindu ini terlalu memurkaiku
selamanya pijar suria ini
menghanguskan ladang kita
selamanya ganas gelombang ini
menghanyutkan rumah kita
tetapi akan tetap kita nyalakan ikrar cinta
dan menyempurnakan sepulau janji.
ikrar jangan terbakar
bagai api berahi itu
yang membakarku
janji jangan cair
bagai darah itu di hujung kerismu.

resah ini lebih dahsyat dari amukmu
di atas kasur setia
sekali lagi bersama
kita akan menderhaka!

Puisi sebegini jarang-jarang kedengaran keluar daripada penyair wanita di Malaysia kerana sesuai dengan sifat lembutnya, penyair wanita tidak keras mengucapkan idea. Rata-rata penyair wanita Malaysia tertakluk pada sifat kewanitaan yang lembut, berhemah, atau mungkin juga tidak seberani penulis lelaki. Dengan sifat yang demikian, dalam media apa pun tidak selihatan karya wanita yang merempuh aspirasi nasional secara keras. Memang ada kritikan terhadap tindakan kerajaan menggantikan bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi subjek Sains dan Matematik di sekolah sejak tahun 2002. Tetapi tidak ada pengucapan yang keras, polos, dan kasar. Mereka mengucapkannya secara halus, berkias dan melalui denuai selamat asalkan idea melanggar aspirasi nasional itu dapat disiarkan.

Demikian juga ketertiban dan kesantunan puisi karya Abizai yang berjudul "Lidah anakku berbelang-belang", juga pemenang hadiah saguhati HSKU 2007. Puisi ini mengkritik golongan *omprador* yang merangkumi segenap bidang, baik bahasa, budaya, sastera dan apa-apa sahaja.

Lidah anakku berbelang-belang

Lidah anakku berbelang-belang
Menyusun madah bercabang-cabang
Hasil didikan serampang bermata dua
Keliru menilai martabat bahasa ibunda

.....

Puisi ini mengkritik pendosa bahasa yang enggan mengiktiraf darjat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Protes ini bertentangan dengan tindakan kerajaan dalam sistem pendidikan tetapi tidak khusus ditujukan kepada hal itu. Kritikannya mum dan terpakai kepada sesiapa sahaja. Pokoknya, apabila tidak ada pihak yang secara husus ditimpakan kritikan itu, tiada sesiapa yang berupaya memarahinya. Kemarahan oknum politik juga tidak mungkin terlaksana kerana setakat ini Malaysia tidaklah sekeras negara komunis Marxis yang sentiasa mencurigai karya subversif.

Malaysia, dalam kekerasannya masih ada toleransi; dan dalam toleransi, masih ada kekerasan. Akhir-akhir ini keterbukaan dan toleransi kerajaan Malaysia terhadap golongan posisi dapat disaksikan melalui beberapa keizinan undang-undang. Misalnya, permit akhbar *Keadilan* milik Parti Keadilan Rakyat pimpinan Dr Wan Azizah, isteri Anwar Ibrahim, telah diberikan setelah demikian lama mereka menunggunya. Begitupun, tanpa izin terbit daripada Kementerian Dalam Negeri sekalipun, akhbar alternatif politik itu tetap terbit secara haram dan dibaca secara meluas oleh rakyat. Mungkin kerana memikirkan keadaan ini, Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia mengizinkan akhbar itu terbit dengan sah. Malahan akhbar politik *Harakah*, milik Parti Islam se-Malaysia juga sudah dizinkan terbit dua kali seminggu.

Akhbar-akhbar politik ini tidak menyiar puise, kecuali sesekali jika ada keperluan emasa, bagi akhbar *Harakah*. Jika ada puise yang disiarkan, temanya pasti yang menyanggah asar dan kebijakan kerajaan kerana khalayaknya memang mencari isi yang sebegini. Jika ajak cinta disiarkan tentulah tidak sesuai dengan wadahnya.

Selain *Harakah* dan *Keadilan*, akhbar kecil (tabloid) yang memfokuskan *human interest story* seperti *Mingguan Perdana* dan *Bacaria*, juga menyiar puise. Malahan boleh dikatakan ebanyak akhbar tabloid di Malaysia menyediakan ruangan puise. Tetapi akhbar alternatif yang bersifat politik dan menyiar puise secara tetap ialah *Siasah*. Akhbar ini diusahakan oleh emilik swasta dan fokus cerita dan beritanya ialah politik semasa tanah air. Sesuai dengan edukasinya sebagai akhbar alternatif, pastilah layanan istimewa diberikan kepada khalayak yang mencari alternatif dalam pembacaan, baik tentang berita politik maupun karya asteranya. Dengan itu, puise yang tersiar dalam *Siasah* (akhbar mingguan) kental menyuarakan ekspreksi nonkonformis daripada penyair yang mapan maupun yang baru. Tetapi tak bermakna semuanya puise politik; ada juga puise yang umum dan bersifat *a political*. Cuma ilangannya tidak semeriah puise politik nonkonformis. Jika puise politik disiarkan pastinya isinya bersifat nonkonormis. Itu sahaja bezanya.

Penyair-penyair yang mengisi ruangan puisi dalam *Siasah* tidak semestinya aktivis politik oposisi; ada juga penyair yang boleh sahaja menyiaran karyanya yang konformis dalam akhbar arus perdana, *Berita Minggu* atau *Mingguan Malaysia*. Hanya apabila mereka mahu menyiaran puisi yang kasar dan berunsur protes polos terhadap kerajaan, mereka memilih akhbar *Siasah*. Contoh puisi yang bernada sedemikian ialah "Bertitahlah Memanda Kami" karya Amir Hamzah Mohd. Wazir (*Siasah* 22-28 Jun 2008). Antara kalimatnya berbunyi:

Bertitahlah Memanda kami
Dalam Negara Cempaka Sari
Berjimatlah kamu rakyat semua
Tika negara dilanda
Inflasi.

Berkokok samalah
Mufti-mufti
Menasihati kami rakyat kerdil ini
Bersabarlah, ikatlah perut
Berjimat cermatlah
Membazir itu
Pekerjaan syaitan.

Kini menyahut seruanlah kami
Rakyat kerdil ini:
Kurang sebungkuslah nasi lemak kami sepagi

.....
kurang makanlah kami kini
dik mahalnya beras jika dibeli
.....
tapi bagaimana dengan kamu
menteri-menteri dan mufti-mufti?
adakah nasihat dan fatwa itu
semata untuk kami
atau cuma, candu
pada rakyat yang kerdil ini!

Tidak mungkin akhbar arus perdana menyiaran puisi yang mengkritik mufti dan menteri, tetapi akhbar *Siasah* menunjang kebebasan ekspresi ini. Status mufti sebagai pemuka agama amat tinggi kerana dilantik oleh Sultan. Itu pun tidak menghalang penyair mengkritiknya sebagai petanda keterbukaan akhbar alternatif dalam menunjang idea penyair.

Dalam pilihan raya umum (Pemilu) ke-12 pada Mac 2008 kerajaan Barisan Nasional tergugat dengan kekalahan besar di lima buah negeri, iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, dan Kelantan. Lima negeri itu kini diperintah oleh parti oposisi yang semakin hari semakin memperlihatkan keyakinannya untuk mengambil alih pemerintahan seluruh negara. Anwar Ibrahim sejak akhir-akhir telah berkeliling negara menyampaikan keyakinannya bahawa tidak lama lagi ada wakil rakyat Barisan Nasional akan berpindah kerusi ke pihak Pakatan Rakyat yang menggabungkan Parti Keadilan Rakyat, Pas, dan DAP. Dan ternyata ketakutan yang tidak terzahir dengan kata-kata oleh pemimpin politik daripada kalangan Barisan Nasional itu sebenarnya wujud. Kini Malaysia bergolak lagi dengan tuduhan baru terhadap Anwar Ibrahim berkait dengan kes sodomi. Dalam situasi politik yang tidak tenang bagi pihak Barisan Nasional ini kes Anwar Ibrahim itu dipercayai suatu konspirasi politik. Bagaimanapun, ini tidak akan dibincangkan terus, kerana fokus dalam makalah ini ialah kesan pada sastera ekoran keputusan pilihan raya tersebut.

Kekalahan Barisan Nasional di negeri Selangor yang tidak dijangka itu menginspirasikan Ibrahim Ghafar menulis puisi "Gurindam Selangor" dalam *Siasah* (30 mac-5 April 2008) yang antara lain berbunyi:

Gurindam Selangor

I
Dilaungkan dogma 'pembangkang sifar'
angkuh liar berkobar-kobar
mengaruk mabuk kolam dibakar
biang bagai jalak, kokok berdegar-degar
tahi berselerak, tersangkut di gelegar
tidak juga sedar, mahu belajar
untuk jadi orang yang berkata benar

ii
Diwartakan arahan 'setinggan sifar'
perintahnya 'titah' tak boleh ingkar
marahkan nyamuk kelambu dibakar
warga setinggan nyah diusir
rumah ibadat habis dibongkar
kemudian, tanah diserah pada saudagar
dihitung untung mengikut ekar.

iii
Disampaikan sudah 'anugerah penyapu'
konon sebuah inovasi baru...
lupa budaya dan wasiat ibu
lupa petua dan pesan guru
lupa asal dari yang satu,
sesal tak mampu ubah penentu
sûrutnya pasang bermula di hulu

iv
Dipugarnya calon 'muka baru'
yang lama sudah ditinggal waktu
seolah yang lain semuanya dungu
tak ngerti beza botox dan jamu
tak kenal antara tempe dan tauhu
jujurnya cermin tak akan menipu
kita yang lupa maknanya malu.

Puisi ini sangat difahami oleh khalayak yang memahami konteksnya, iaitu kesilapan memimpin Barisan Nasional atau UMNO di Selangor. Menteri Besar (sekarang mantan) Mohd. Khir Toyo dijadikan bahan kritikan dalam puisi ini. Beberapa tindakannya sebelum pilihan raya langgap tidak menerminkan kebijaksanaannya memimpin. Kewibawaannya disentuh sehingga tahap peribadi seperti penggunaan alat kosmetik botox yang disegandingkan jamu kerana eliau berketurunan Jawa. Mohd Khir Toyo yang sebelum kejatuhannya sering diangkat dan puji kini apabila sudah tumbang dalam pilihan raya telah dimalukan. Demikian situasi politik amalkan oleh orang politik. Bagi orang sastera mereka akan berbicara apa-apa sahaja untuk mengkritik.

utup

ipada perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa sastera atau puisi khususnya, mendapat pengaruh dalam media massa yang dimiliki oleh segenap pihak, baik kerajaan maupun wasta. Tetapi dalam masa yang sama wujud juga pasungan atau sekatan yang mengurung ekspresi penulis dalam kedua-dua media itu. Sementara media milik proksi kerajaan memasang idea yang menentang kuasanya, media alternatif juga secara tidak langsung tidak menyenangi karya yang membela kerajaan. Kekangan atau pasungan oleh media alternatif itu bukanlah bertujuan untuk menyelamatkan individu tertentu tetapi lebih cenderung untuk memenuhi kehendak khalayak yang mahu karya nonkonformis. Media milik proksi kerajaan juga menyekat karya yang menyokong pembangkang atau oposisi dengan asas untuk menjaga aspirasi nasional menurut tafsiran politik mereka.

Sebilangan contoh yang dikemukakan di atas hanya serpihan daripada seluruh situasi sastera di Malaysia. Sekadar permulaan kajian, makalah ini hanya membuka satu dimensi yang wajar diterokai seterusnya dengan lebih akademis oleh calon sarjana, misalnya. Fungsi akhbar sebagai *the fourth estate* atau kuasa keempat selepas legislatif, judisiari, dan eksekutif terpakai juga dalam operasi kesusasteraan.